

Newspaper	Berita Harian
Date	27 February 2016



Najib bersama Ahmad Zahid dan Salleh pada majlis pelancaran **Najib Razak Kembara Politik - 40 tahun** di Menara Dato Onn, Kuala Lumpur, semalam.  
(FOTO ABDULLAH YUSOF/BH)

BH- 27/2/2016

## Buku Najib Razak Kembara Politik - 40 tahun dilancar

**Kuala Lumpur:** Perjalanan karier politik Datuk Seri Najib Razak yang bermula ketika berusia 23 tahun, kini diabadikan dalam buku bertajuk *Najib Razak Kembara Politik - 40 tahun* yang dilancarkan di sini, semalam.

Buku setebal 100 halaman terbitan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) itu, dilancarkan

oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Menara Dato Onn, di sini.

Majlis berkenaan turut dihadiri Perdana Menteri serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak. Buku terbitan yang diterbitkan dalam versi bahasa Melayu dan Inggeris,

dihasilkan Datuk Md Afendi Hamdan.

**Berdepan pelbagai cabaran**  
Ketika ditemui, Md Afendi berkata, naskhah berkenaan menceritakan perjalanan politik Perdana Menteri yang berdepan pelbagai cabaran dengan semangat gigih serta kesabaran yang matang, mewarisi semangat juang ayahandanya,

Tun Abdul Razak Hussein. "Penghasilan buku ini dirancang pada Perhimpunan Agung UMNO 2015 lalu bagi membolehkan kembara politik Perdana Menteri dikongsi bersama rakyat.

"Perdana Menteri turut membantu, berkongsi koleksi peribadinya seperti gambar yang disukai beliau.

"Sepanjang usaha mengumpul maklumat dan bahan untuk buku ini, kami mendapat banyak pengalaman, termasuk melawat sendiri kampung halaman Perdana Menteri di Pekan, Pahang dan kawasan lain yang bersejarah bagi beliau," katanya.